

PERKONGSIAN PENGALAMAN MEMIMPIN SEKOLAH: MERUBAH MINDSET

DR FATANAH MOHAMED

Department of Educational Psychology & Counseling
Faculty of Education
University of Malaya

Abstract

The practices were carried out in three schools led by the presenter has produced excellent results.

The job of a leader is to motivate people. Once the people are motivated, especially intrinsically motivated, the leader's work is much easier. God principled approach were used in leading the schools. The duty of the leaders and teachers in educational institutions to ensure that the next generation understand the importance of positive thinking and are able to compete at international levels and also the important role of education in promoting racial harmony.

The stress on excellence in all activities that were carried out in schools. High expectation communicated to teachers, staff and students. Everyone worked hard to achieve excellence – as there is no short to success. Everyone was reminded that as we sow, so shall we reap.

The contributing factors were discussed from 5 perspectives:

- 1. Management and Leadership*
- 2. Teaching and Learning*
- 3. Students Development*
- 4. Professional Development of Teachers & staff*
- 5. Work Cultures & Monitoring*

1. ASPEK PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN

Tugas utama seorang pemimpin adalah untuk memotivasi orang dibawah pimpinannya untuk memberi penghasilan yang cemerlang. Apabila seseorang itu memiliki motivasi terutamanya berbentuk intrinsik (contoh: mendapat kepuasan sendiri kerana telah melaksanakan tugas dengan cemerlang atau mengetahui bahawa bekerja dengan cemerlang adalah dituntut dalam agama serta berada dalam kasih sayang Allah), maka tugas memimpin adalah jauh lebih mudah. Salah satu perkara yang saya sentiasa mengingatkan guru dan pekerja ialah tentang gaji/salary yang diterima sebagai upah kepada sekian banyak kerja yang telah kita persetujui. Oleh itu jika sekiranya kita tidak melaksanakan kerja sepenuhnya tetapi mengambil upah penuh (sebulan gaji) di akhir bulan, maka sebahagiannya adalah tidak halal. Guru dan staf diminta membuat muhasabah diri sendiri serta memastikan upah yang diterima olehnya adalah halal. Dalam menjalankan amanah tersebut saya tidak akan bersubahat dengan orang yang tidak amanah.

Oleh kerana sekolah yang saya pimpin terdiri daripada hampir 100% pelajar Bumiputera, maka saya membawa seluruh warga sekolah untuk melihat tugas dan tanggungjawab di sekolah sebagai amanah dan alat untuk peningkatan taraf sosioekonomi Bumiputera melalui pendidikan. Pendidikan sangat penting bagi Bumiputera dan secara kasar kesan pendidikan adalah relatif lebih tinggi ke atas pendapatan ethnik Melayu / Bumiputera, iaitu pada kadar 3.8% bagi setiap tahun persekolahan, berbanding ethnik Cina 2.7% dan India 1.8% (Wan Fatimah, 1990). Warga sekolah dibawa untuk menginsafi sejarah pendidikan di Malaysia di bawah pemerintahan British yang telah menyisihkan kepentingan pendidikan Bumiputera pada ketika itu. Kesannya sehingga kini Bumiputera masih banyak ketinggalan yang akan memberi implikasi kepada kesepaduan

antara kaum. Oleh itu amanah di tangan mereka yang berada di institusi pendidikan untuk memastikan generasi Bumiputera yang akan datang tidak lagi tergolong dalam golongan daif di bumi sendiri yang mungkin pula membawa kepada masalah pergeseran kaum yang pernah berlaku pada tahun 1969. Setiap guru, kakitangan dan pelajar disedarkan tentang tanggungjawab tersebut. Tegasnya pendidikan bukan sekadar untuk mencapai keseimbangan dari segi minda, jasmani, rohani, emosi dan sosial individu tetapi juga memberi implikasi kepada kesepaduan antara kaum. Saya selalu memberi ingatan kepada warga sekolah bahawa *“Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum, kecuali kaum itu sendiri mengubahnya”*

Saya mengkomunikasikan kepada setiap warga sekolah bahawa komuniti di sekolah berada dalam satu konglomerasi / conglomeration yang sedang memikul tugas dan tanggungjawab daripada Allah SWT. Setiap anggota harus melihat Allah sebagai CEO (Chief Executive Officer). Oleh itu mereka tidak perlu menunggu penyeliaan / supervision daripada orang atas atau ketuanya oleh kerana Allah Maha melihat apa yang dikerjakan oleh setiap orang. Penghayatan bahawa apa yang dilakukan penting untuk agama, bangsa dan negara dan *“kita adalah yang terbaik / we are the best”*. Peluang bagi setiap *orang yang memegang sesuatu jawatan diberi platform untuk memberi kesan baik kepada* komuniti seperti yang disebut oleh Blanchard (2007) bahawa *“Apabila kita diberikan sesuatu jawatan/ dijadikan pemimpin, kita tidak diberi mahkota, tetapi diberi tanggungjawab untuk menjadikan orang bawahan kita sebagai yang terbaik. (when you were made a leader, you were not given a crown, you were given a responsibility to bring out the best in others)*

Dalam melaksanakan semua aktiviti, saya sentiasa memberi peringatan kepada warga sekolah untuk menerapkan nilai kecemerlangan– bukan setakat untuk mengelak kegagalan (The need to excel, not just the need to avoid failure). Membuat sesuatu kerja dengan cemerlang merupakan tuntutan agama dan akan mendapat kasih sayang dari Allah. *“Sesungguhnya Allah sangat mengasihi seseorang yang apabila melakukan pekerjaannya, dia melakukannya dengan cara yang paling baik”* (hadis Riwayat Thabrani).

Oleh itu setiap orang diperlukan untuk bekerja keras untuk mencapai kecemerlangan kerana tiada jalan pintas untuk mencapai kecemerlangan. Warga sekolah sentiasa diperingatkan bahawa *“kita tuai apa yang kita tanam, jika kita tanam padi tak akan tumbuh cili...”* (law of cause and effect).

Firman Allah SWT:

“Dan sesungguhnya balasan bagi seseorang ialah apa yang diusahakannya; sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya). Kemudian dibalas dengan balasan yang amat sempurna...”

Setiap warga juga diperingatkan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai amanah dari Allah, mendahului keutamaan suruhan Allah SWT berbanding manusia dan hanya mengikuti arahan manusia sekiranya ia tidak bertentangan daripada ‘arahan’ daripada Allah. Ken Blanchard (1999) juga berpendapat bahawa *“A leader must go beyond being a people-pleaser to being a God-pleaser If our need for the people’s affirmation exceeds our need for God’s affirmation, we are in trouble. Leadership sometimes doing what’s unpopular. A ship in harbor is safe, but that is not what ships were built for”*.

Saya meletakkan visi untuk menjadikan sekolah yang dipimpin sebagai sekolah nombor satu (1) di Malaysia. Visi tentang kecemerlangan akademik dan kegemilangan sahsiah pelajar dikomunikasikan dengan jelas kepada semua warga sekolah – bermula daripada ketua-ketua jabatan, guru-guru, staf sokongan dan para pelajar. Satu unsur yang diketengahkan dalam pemikiran setiap warga sekolah ialah untuk meletakkan target melampaui apa yang boleh dicapai (*beyond what is achievable*). Pada awalnya ramai yang percaya kepada ‘target atau matlamat mestilah apa yang boleh dicapai’ (what is achievable / realistic) dan untuk menjadi nombor satu dalam negara / peringkat nasional pada ketika itu adalah seperti tidak logik. Target daripada segi

akademik bagi setiap pelajar adalah untuk mendapat A dalam semua subjek dan bagi kokurikulum menjadi juara dalam semua kegiatan / aktiviti / pertandingan. (Sebagai pengetua saya sentiasa melapangkan masa bersama pelajar sewaktu latihan dan memberi dorongan serta 'melepaskan' mereka sebelum bas bertolak ke mana-mana destinasi untuk bertanding).

Dalam membina matlamat, saya banyak belajar daripada literature. Sebagai contoh, Hendersen (Post master General, US Postal Service) dalam Dauphinais (2000) menyatakan: "*If you set high targets, people will strive to reach them, though it may seem impossible to many... We have to raise the bench mark every year, Reach our goals, Celebrate ... And raise the bar again!*", begitu juga

Posner (2003) menyatakan "Successful leaders have high expectations, both of themselves and of their constituents. The expectations that successful leaders hold, provide the frame work into which people fit their own realities".

Saya juga telah menukarkan moto sekolah:

Motto Asal: "***Be the Best; Beat the Rest***" - ditukar kepada : "***We are the Best; We Lead the Rest***"

Sebuah lagi sekolah yang dipimpin, motto asal: "***Merintis Kecemerlangan***" – ditukar kepada: "***Juara Gemilang***"

Perhimpunan dikendalikan oleh pelajar dalam bahasa Inggeris dan saya menggunakan setiap sesi perhimpunan sebagai platform untuk menyampaikan input-input baru untuk minda guru dan pelajar. Ruang untuk pengetua bercakap dipenuhi dengan kata-kata untuk meransang minda untuk berfikiran positif, bermotivasi untuk cemerlang dan mencapai kejayaan. Setiap anggota sentiasa diperingatkan tentang penghasilan kerja yang cemerlang sebagai tuntutan agama. Jika mereka ingin dikasihi Allah, buatlah kerja dengan cemerlang, sama ada guru, staf, mahupun pelajar.

Selain itu, pihak sekolah menggembeling tenaga daripada semua pihak baik di dalam mahupun di luar sekolah. Ibu bapa, bekas pelajar MRSM (ANSARA), Ibu Pejabat MARA, Agensi Luar seperti Biro Tata Negara, Pejabat Pelajaran Negeri, Pejabat Kesihatan dan lain-lain turut dilibatkan.

2. ASPEK PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Sebagai pemimpin saya sangat berfokus kepada hasil dan membuat pemantauan, namun guru bebas memilih cara dan strategi sendiri untuk membuahkan hasil. Analisis prestasi guru dan pelajar dibuat setiap kali selepas peperiksaan selaras / peperiksaan semester / SPM dan dibincang dalam mesyuarat senat peringkat sekolah. Para pelajar bermasalah akademik dikenalpasti pada tahap awal dan segera disalurkan kepada kaunselor yang akan bekerjasama dengan penasihat homeroom dan ibu bapa untuk melaksanakan program tindakan. Pemantauan kehadiran ke kelas dan prestasi pelajar dilaksanakan dengan teliti melalui Ketua Jabatan, Guru Kanan dan Penasihat Homeroom. Pelajar ponteng diambil tindakan keras dan dimaklumkan kepada ibu bapa. .

Guru diminta menamatkan silibus awal dan segera melaksanakan ulangkaji terancang. Selain daripada kelas pengayaan pada hari Sabtu dan setiap petang, pelajar lemah diberi bimbingan lanjut dalam klinik dan kem pada waktu lain. Pelajar cemerlang dilibatkan sebagai fasilitator. Guru menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar. Hubungan yang erat wujud antara guru dan pelajar, dan pihak guru memiliki komitmen yang sangat tinggi untuk mencemerlangkan pelajar.

Dalam hal ini saya berpegang kepada prinsip bahawa 'jika kita mahu melihat guru melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar, maka pengetua mestilah melaksanakan pentadbiran yang berpusatkan guru'. Saya percaya bahawa jika kita ingin menghasilkan telur angsa emas, maka kita mestilah menjaga angsa emas yang kita miliki. Saya menganggap guru-

guru sebagai angsa emas. Menyediakan penghawa dingin, menukarkan kemudahan tandas guru dan apa-apa yang boleh memberi keselesaan guru. Sebanyak mana saya meminta daripada guru untuk penghasilan, sebanyak itu juga saya cuba untuk memberi guru kesenangan dalam bentuk reward / pengiktirafan / pujian / sanjungan. Oleh itu saya bekerjasama dengan pihak Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) untuk menaja banyak perkara.

Satu lagi pendekatan yang saya anggap paling berjaya ialah apabila saya mengajak semua guru Fizik untuk sama-sama membuat eksperimen mengubah mindset pelajar terhadap mata pelajaran Fizik. (Dalam kalangan pelajar Bumiputera, pada ketika itu, ramai yang menganggap subjek Fizik sukar. Keputusan dan prestasi dalam peperiksaan peringkat nasional dan kuiz Fizik peringkat nasional juga membuktikan pencapaian pelajar Bumiputera agak lemah). Sewaktu pelajar memulakan sekolah dalam tingkatan empat (menengah atas – subjek Fizik diajar) Guru-guru Fizik diminta untuk mendahulukan topik-topik yang lebih mudah. Soalan yang agak mudah diberikan dalam ujian pertama bagi membolehkan semua pelajar memperoleh skor yang baik dengan itu dapat menukar persepsi terhadap subjek tersebut yang dianggap sangat sukar. Dengan mendapat pengalaman 'betapa mudahnya Fizik, dan aku telah mampu skor A', maka para pelajar telah mendapat pengalaman dan persepsi yang baru.. Hasilnya kumpulan pelajar ini telah mencipta sejarah dengan mencapai sekolah terbaik Fizik SPM di Malaysia pada tahun berikutnya dengan keseluruhan 73% pelajar skor A dari jumlah hampir 450 calon. Sesuatu yang menakjubkan boleh berlaku apabila mereka percaya dan wujud kepercayaan (beliefs) bahawa mereka mampu melakukannya...

3. ASPEK PEMBANGUNAN PELAJAR - PENGURUSAN PELAJAR SECARA MENYELURUH (Minda- Jasmani – Rohani - Emosi - Sosial).

Pada ketika memulakan tugas sebagai pengetua, saya sering mengingati kata-kata Levin (1994) yang menyebut "*Pada hakikatnya pelajar adalah unsur terpenting yang menentukan dan mempengaruhi pencapaian mereka. Mereka sendirilah yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan tentang sejauh mana usaha, tumpuan dan minat yang akan mereka berikan terhadap kerja sekolah*".

Kerana pelajar adalah tujuan sebenar sesebuah sekolah dibina., maka saya menggunakan pendekatan 'pemusatan kepada pelajar' / student centered dan berpusatkan hasil / result oriented. Pendekatan ini adalah sesuai dengan pandangan Young (2004) yang menyatakan "*First and last, maintain a focus on students... In everything you do, if you consider the impact on and the benefits for students, you won't go wrong*". Pengetua bersama barisan pemimpin dan ketua unit duduk bersama merancang program untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Para pelajar dibantu untuk mengenalpasti arah tuju yang harus mereka tumpukan tenaga mereka., dan memahami apa perlu dibuat untuk mencapai kejayaan. Pelajar diajar untuk membina matlamat yang jelas – "Begin With the End in Mind" seperti yang disarankan oleh Covey (2004). Menggunakan teknik NLP (Neuro Language Programming) - Setiap pelajar membayangkan mendapat 9A1/10A1 dalam SPM (Training the Subconscious Mind). Para pelajar dilatih untuk mempercayai 100% bahawa mereka adalah cemerlang. Selalu diulangi sewaktu perhimpunan mingguan "I am the best person in the world, In my life". Sikap 'saya boleh' tidak terjadi secara automatik. Guru dilatih untuk mempamerkan keyakinan terhadap pelajar dalam nada 'saya yakin anda boleh'. Para pelajar sentiasa diingatkan untuk berjiwa besar dan tidak mudah berputus asa, sentiasa menyayangi diri dan memberi pengiktirafan pada diri, menerima kritikan, serta boleh memaafkan diri sendiri dan orang lain.

Kemahiran pengurusan masa dan kemahiran mengurus diri juga dikembangkan agar mereka mampu membuat keputusan sendiri mengikut keutamaan dan mana yang paling penting serta tidak mengharapkan dorongan daripada pihak lain. Kata-kata yang selalu saya perkatakan

adalah 'Diri sendiri tanggungjawab sendiri'. Para pelajar juga sentiasa diingatkan bahawa kejayaan adalah hasil daripada usaha sendiri; dan kesilapan merupakan proses pembelajaran. Mereka diajar bagaimana untuk bounce back atau menjadi resilien dan tidak membiarkan kesilapan atau kekecewaan menghalang kejayaan seterusnya. Para pelajar sentiasa dsarankan untuk membuat muhasah diri "Adakah aku menghala ke arah yang ingin dituju, atau adakah aku masih lagi terumbang ambing?"

Daripada segi sahsiah, pihak sekolah menggunakan pendekatan disiplin dengan kasih sayang dan bermaruah (discipline with love and dignity). Tiada guru disiplin khas kerana semua guru diberi bertanggungjawab ke atas disiplin pelajar. Setiap guru diberi sebuah buku catatan untuk membuat catatan jenis kesalahan dan bentuk tindakan / teguran yang diambil oleh guru terhadap pelajar yang menimbulkan masalah, Guru merekod dan menyerahkan salinan kepada pihak pejabat. Dalam hal ini guru sering diberi peringatan bahawa dalam diri setiap pelajar ada emas ... pernah saya ketemui dalam literature bahawa berurusan dengan pelajar ibarat melombong emas: apabila kita pergi melombong emas, kita terpaksa mengalihkan banyak lumpur untuk mendapatkan beberapa gram emas. Tetapi kita mencari emas, bukan mencari lumpur.

Program pembangunan pelajar dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi pelbagai aspek bermula daripada program orientasi dan reorientasi, kursus asas Biro Tata Negara, kem Kecergasan Mental & Fizikal, Motivasi Pencapaian, Pengurusan Minda / Positive thinking/ Thinking big, Kursus perkembangan Kerjaya, Kursus Kemahiran Berfikir, Program Homeroom, Program Khidmat Masyarakat (Sukarelawan daripada kalangan pelajar berprestasi tinggi / High Achievers), Public speaking/ aktiviti Bahasa Inggeris diadakan pada waktu rehat oleh kerana pihak sekolah mempercayai para pelajar yang memiliki kemahiran berkomunikasi, mempunyai kemungkinan besar untuk menjadi orang-orang dewasa yang memiliki keyakinan diri dan kebolehan berdikari.

4. PEMBANGUNAN PROFESIONALISME STAFF

Perubahan mindset dengan pendedahan terhadap input-input baru melalui kursus / seminar profesionalisme pendidik yang diadakan pada setiap awal sesi persekolahan dengan membawa input baru terutamanya dari menara gading dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran. Ceramah-ceramah profesionalisme untuk guru dan staf diadakan secara berkala daripada kalangan pakar. Matlamat utama ialah untuk mewujudkan dalam diri guru dan staf – ciri komited, mesra dan berilmu. Tazkirah untuk kakitangan sokongan diadakan setiap pagi secara bergilir dan ceramah bulanan dengan menjemput penceramah luar juga diadakan. Selain itu kursus wajib untuk semua kakitangan sokongan diadakan pada waktu cuti sekolah.

Tugas guru dan staf adalah untuk menolong pelajar mengenalpasti keistimewaan dan potensi yang ada pada diri mereka – serta mengembangkan ciri-ciri yang menjadikan mereka individu yang unik.

Pesanan saya kepada guru:

***JADILAH GURU seperti yang diredhai ALLAH SWT, The way God wants you to be... ALLAH has chosen you to be a TEACHER in this school. God has reasons for it. Jadikan ALLAH sebagai C.E.O
BE A GREAT TEACHER AND NOT 'just a teacher...'***

5. PEMBUDAYAAN & PEMANTAUAN

Sebagai pemimpin, lagi satu tanggungjawab besar ialah untuk mengendalikan kakitangan di bawah pimpinan dengan baik. Mereka mengharapkan kematangan, rationality dan empati/ kefahaman daripada pemimpin. Di sinilah saya menggunakan pengukuhan luaran / external rewards secara adil dan prihatin atas segala usaha yang diusahakan oleh mereka.

Semua pelajar yang mencapai Purata Nilai Gred (PNG) / GPA 3.5 ke atas diraikan dalam majlis makan malam yang dikenali sebagai 'Jamuan Makan Malam Bistari" diadakan pada awal setiap semester. Program ini memberi peluang kepada semua pelajar tanpa menghadkan bilangan. Pada kali pertama program ini diperkenalkan terdapat hanya 46 yang layak, semester berikutnya meningkat kepada melebihi 100 orang dan seterusnya melebihi 200 orang. Bermula dengan meraikan mereka menggunakan satu bas untuk membawa ke restoran, semester berikut terpaksa diraikan di sekitar kolam renang dan masuk semester ketiga terpaksa dibuat di dataran. Begitu juga sewaktu hari anugerah sudah tidak mampu memanggil mereka naik ke pentas, sebaliknya meminta mereka berdiri dalam perhimpunan sebagai penghormatan,

Kem Pelajar Cemerlang dilaksanakan sebagai ganjaran/ hadiah / peneguhan untuk pelajar cemerlang yang teratas 40 orang /Top 40. Mereka dibawa ke tempat eksklusif seperti Taman Negara atau Pulau Tioman. Hadiah ini telah diumumkan apabila mereka melangkah masuk ke sekolah. Semua pelajar berpeluang untuk berusaha berada dalam kumpulan eksklusif ini. Badan Wakil Pelajar (BWP) telah dihaskan 12 tempat untuk mereka tanpa mengambil kira pencapaian akademik. Namun begitu pemilihan calon BWP telahpun mengambil kira syarat minima pencapaian melebihi PNG 3.0 .

Pencapaian pelajar yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum sama ada johan di peringkat Daerah/ Negeri / Nasional dirai sewajarnya.

Pengiktirafan kepada guru / kakitangan: Secara umumnya Hari Guru dan Hari Pekerja (Labour Day) diraikan dengan mengadakan perhimpunan khas dan persembahan. Pihak pengurusan mewujudkan cenderamata khas untuk guru dan kakitangan pada setiap tahun bermula saya memegang jawatan.

Daripada aspek pencapaian akademik – semua subjek yang mencapai target SPM, dengan peratusan pencapaian A tertentu, serta kedudukan nombor antara MRSM dan antara sekolah-sekolah di Malaysia akan diberi pengiktirafan khas. Daripada aspek kokurikulum, pengiktirafan khas diberikan kepada penasihat / guru yang memimpin pelajar dengan pencapaian sebagai johan di peringkat negeri atau pencapaian emas / perak / gangsa / johan atau naib johan peringkat kebangsaan.

Selain itu pengiktirafan juga diberi untuk aktiviti dalaman sekolah seperti Penasihat Homeroom terbaik, Penasihat Rumah Sukan terbaik, guru / kakitangan tanpa cuti sakit, kekerapan datang awal atau penggunaan wang rawatan yang minimum juga diberi pengiktirafan. Anugerah khas pengetua diberikan kepada guru dan staf yang memberi sumbangan luar biasa dalam apa-apa bidang. Dalam kalangan staf sokongan pula, pengiktirafan diberi kepada Unit tercantik dan staf yang menjaga tandas paling bersih. Boleh dikatakan setiap aspek aktiviti guru dan staf diberi perhatian. Ini sangat penting untuk semua warga sekolah berasaskan diri mereka penting di mata pemimpin.

Mewujudkan sekolah sebagai organisasi pembelajaran / Learning Organisation

Oleh kerana apa yang kita tahu hanya merupakan 1 per sejuta daripada 1 peratus tentang sesuatu perkara (1 / millionth of 1% of anything) maka setiap warga Maktab sentiasa didedahkan kepada kursus, seminar, ceramah untuk mengemaskini pemikiran, pengetahuan dan metodologi. Ini bertepatan dengan hasrat sekolah untuk mewujudkan pemimpin / guru / staf yang sentiasa ingin belajar sehingga akhir hayat (life long learning). Tajuk-tajuk seperti Mengenali Pita Peribadi, Berinteraksi secara positif dengan diri, Potensi Diri, Pengurusan Minda Cemerlang, Berfikiran Positif, dan Berfikiran Besar / Thinking big menjadi sebahagian daripada kandungan kursus yang kerap kali diadakan. Dalam tempoh 3 ½ tahun saya di MRSM TGB saya telah berjaya menghantar 4 orang guru melanjutkan pelajaran pada peringkat Ph D dan 6 orang peringkat sarjana.

Antara pencapaian kokurikulum yang diraih oleh sekolah pada tahun-tahun perkhidmatan saya adalah: Johan Kebangsaan Kuiz Alam Semula Jadi, Johan Keseluruhan Tunas Saintis Antara MRSM, Naib Johan Drama Inggeris Antara MRSM, Johan Bahas Bahasa Inggeris Antara MRSM, Johan Bahas Bahasa Melayu Antara MRSM, Johan Forum Remaja Negeri Melaka, Johan keseluruhan Minggu Kokurikulum MRSM Zon Selatan. Hasil ciptaan pelajar "Aktiviti Pembelajaran Bitara" menjadi Johan Tunas Saintis, Johan Inovasi Sains Negeri Melaka, terpilih untuk ke Intel ISEF di USA, Pingat Gangsa Pameran Sains Peringkat Kebangsaan.

Penutup:

Selain daripada pencapaian cemerlang nombor 1 keputusan SPM di Malaysia 2001, budaya pencapaian cemerlang berterusan sehingga hari ini. Keputusan SPM 2005, dan 2006 mengulangi nombor 1 dalam negara dan keputusan SPM 2009 (walaupun kedudukan nombor 5 secara tidak rasmi) menunjukkan seramai 161 pelajar berjaya memperoleh semua A daripada jumlah 439 orang calon. 8 subjek telah berjaya mendapat kelulusan 100 % gred A iaitu 1. Pendidikan Islam 2. Matematik 3. Prinsip akaun 4. Rekacipta 5. English for Science and Technology 6. Pendidikan seni 7. Tasawwur Islam 8. ICT

Daripada segi prestasi kokurikulum, setakat ini bagi tahun 2010 terdapat dua program para pelajar sekolah ini mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa / international. (i) 4 orang peserta mewakili negara untuk INEPO (International Environment Project Olympiad - INEPO-EURO ASIA) pada 7-11 APRIL 2010 bertempat di Baku Hand Games Sports Palace, Bakuzerbaijan. Mereka telah memenangi pingat perak / Silver Medal. (ii) Untuk program (I - SWEEP - International Sustainable World Project Olympiad Energy, Engineering & Environment 2010), sebanyak 3 kumpulan projek kajian pelajar telah terpilih dan mewakili Malaysia di Houston Texas Amerika Syarikat.

Saya yakin perubahan mindset amat penting untuk membolehkan seseorang / sekumpulan manusia BERGERAK daripada rasa lemah atau tidak mampu kepada BOLEH dan terus MENCAPAI.

Rujukan:

- Blanchard K. 2007. Leading at a Higher Level. USA: Pearson Prentice Hall.
Blanchard K. 1999. The Heart of a Leader. USA: Honor Books Inc.
Covey R.C. 2004. The Seven Habits of Highly Effective People.
Dauphinais G.W., Meaus G., Price C. 2000: Wisdom of the CEO. New York: John Wiley & Sons Inc.
Levin B. 1994. Improving educational productivity: Putting students at the center. Phi Delta Kappan 75 (10): 758-760.
Wan Fatimah Mohamad. 1990. Pembiayaan awam pembelajaran dan agihan pendapatan di Malaysia. Tesis Dr Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
Young P.G . 2004. You have to go to school. You're the Principal. CA: Corwin Press.